

29/04/1999

Kerajaan bertindak ikut lunas undang-undang

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak pernah menyatakan akan melindungi pihak polis atau sesiapa saja yang bertindak ganas terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut jawapan bertulis Jabatan Perdana Menteri kepada soalan Buniyamin Yaacob (Pas-Bachok), kerajaan sebaliknya bertindak segera dengan menubuhkan Jawatankuasa Khas.

Ini diikuti dengan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 untuk menyiasat kecederaan Anwar.

Menurut jawapan itu lagi, tindakan yang sudah dibuat oleh kerajaan membuktikan bahawa kerajaan adalah tegas dan sentiasa prihatin dalam menjalankan kewajipan untuk melindungi orang awam daripada penganiayaan dari mana-mana pihak.

"Kerajaan juga tidak akan teragak-agak mengambil tindakan kepada siapa yang didapati bersalah mengikut lunas undang-undang negara," katanya.

Buniyamin meminta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bersedia berundur serta meminta maaf secara terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia berikutan kenyataannya di Tokyo, Jepun, menafikan pembabitian polis.

(END)